

15 SEP 1998
Najib-Multimedia
DBP PERLU WUJUDKAN UNIT MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu menubuhkan Unit Multimedia bagi mengukuh dan meluaskan lagi usaha penyebaran bahasa dan sastera Melayu melalui penerbitan multimedia, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, DBP dengan kerjasama beberapa syarikat teknologi maklumat (IT) berupaya melaksanakan bersama projek penerbitan itu.

Menurut beliau penerbitan itu turut memberi peluang kepada DBP menjual hak cipta teks, foto, ilustrasi, drama dan lagu dalam bentuk CD-Rom.

"Kalau banyak bahan penerbitan itu dipasarkan, saya rasa masyarakat umum akan mempunyai banyak pilihan serta dapat memperkayakan proses pembelajaran di kalangan pelajar kita," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman multimedia DBP dengan lima syarikat IT.

Beliau berkata penubuhan unit itu juga boleh menjadi sokongan kepada pelaksanaan konsep Sekolah Bestari yang akan bermula tahun depan.

Lima syarikat terbabit dalam perjanjian kerjasama itu ialah Cospopoint Sdn Bhd., TCE Communication Sdn Bhd., Mektoon Sdn Bhd., ITWin Sdn Bhd dan Multi Media Synergy Corporation.

Najib juga meminta DBP terlibat dalam pengisian Pengajaran dan Pembelajaran Bestari melalui penyediaan bahan-bahan sokongan Program Sekolah Bestari.

"Bahan-bahan penerbitan multimedia itu sudah tentu dapat merangsang pembelajaran dan pemupukan semangat cintakan ilmu, patriotisme dan nilai-nilai murni dalam acuan sendiri, iaitu Malaysia," katanya.

Katanya, memandangkan DBP mempunyai banyak khazanah bahan dalam pelbagai ilmu, peranannya hendaklah ditingkatkan dari aspek pengkomputeran dan teknologi supaya pangkalan datanya dapat diakses dengan mudah.

Menjawab soalan, Najib berkata kementerian sedang berusaha mendapatkan peruntukan tambahan bagi perlaksanaan Sekolah Bestari.

"Kita telah diperuntukkan sebanyak RM50 bagi projek itu dan kita sedang berusaha menambahnya lagi," katanya yang enggan menyebutkan jumlah tambahan yang diperlukan itu.

Sementara itu, ketika ditanya samada jawatan Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA) telah diisi, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memintanya (Najib) mengambilalih sementara jawatan itu.

"Pada pendapat saya Menteri Pendidikan tidak sesuai jadi presiden sebuah universiti sebab universiti itu terpaksa lapor kepada Menteri Pendidikan. Jadi saya serahkan kepada Perdana Menteri untuk menentukan siapa yang akan jadi Presiden UIA," katanya.

Presiden UIA sebelum itu disandang oleh bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga bekas Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Anwar dilucutkan jawatannya dalam kerajaan pada 2 Sept lepas.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan Anugerah Biasiswa Tun Syed Nasir kepada tiga pelajar cemerlang yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang bahasa dan sastera Melayu di universiti tempatan.

Sejak anugerah itu dilancarkan oleh DBP pada tahun 1993, seramai 12 orang telah menerimanya.

--BERNAMA
NZ WAT